

04 NOV 2001

Mahathir-Makan Malam

DR MAHATHIR DI MAJLIS MAKAN MALAM SIDANG ASEAN

Oleh: David Chelliah

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad yang tiba di sini bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, berehat selama dua jam sebelum menyertai majlis makan malam bersama pemimpin-pemimpin Asean yang lain dan rakan-rakan dialog perkumpulan serantau itu.

Majlis makan malam itu dianjurkan oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, yang negaranya merupakan tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Asean Ketujuh yang bermula esok. China, Jepun dan Korea Selatan turut menyertai persidangan itu sebagai rakan dialog.

Menteri-menteri dari Malaysia yang tiba lebih awal ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir akan turut membincangkan dengan mendalam cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rantau khususnya mengenai keganasan dan kelembapan ekonomi ekoran serangan 11 Sept di Amerika Syarikat.

Semasa majlis makan malam itu, para pegawai Malaysia berkata Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain akan mengkaji semula laporan Setiausaha Agung Asean mengenai kemajuan yang dicapai selepas sidang kemuncak tidak rasmi di Singapura tahun lepas.

Selain daripada satu kajian semula, para pemimpin juga akan mengkaji laporan pertengahan penggal mengenai Pelan Tindakan Hanoi sebelum Sultan Hassanal Bolkiah membuka ruang untuk para pemimpin membincangkan keganasan, yang menjadi tumpuan sidang kemuncak di sini, kali ini.

"Anggota-anggota Asean kini tertekan untuk mengambil pendirian jelas mengenai keganasan global dan kelembapan ekonomi sekarang ini di rantau," kata seorang pegawai kanan Malaysia.

Esok, pemimpin-pemimpin Asean akan memulakan sidang pada 9 pagi dan Dr Mahathir dijangka mengadakan persidangan media pada sebelah petang.

Di luar persidangan dua hari itu, Dr Mahathir juga dijadual mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri Kemboja Hun Sen dan Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung.

Pada Selasa, kemuncak persidangan itu, Dr Mahathir juga dijadual mengadakan persidangan media di akhir sesi.

Asean terdiri daripada 10 anggota iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

DC PR